

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



AmAssurance

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah AmCare ResQ?

AmCare ResQ memberi perlindungan 24 jam seluruh dunia kepada Pihak Diinsuranskan, akibat daripada kemalangan yang disebabkan oleh kemalangan yang berlaku secara langsung dan bebas daripada semua punca lain yang mengakibatkan kematian, hilang upaya, perbelanjaan perubatan dan lain-lain perbelanjaan. Insurans ini terdapat 6 pelan berbeza untuk anda pilih.

Faedah-faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)					
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
A. Kematian akibat kemalangan	50,000	65,000	75,000	85,000	95,000	105,000
B. Hilang upaya kekal	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000
C. Perbelanjaan Perubatan	5,000	5,000	7,000	7,000	10,000	10,000
D. Kepatahan Tulang dan/atau Terkeluar Sendi (Dislokasi)	20,000	25,000	35,000	45,000	55,000	65,000
E. Faedah Alat Bantuan Mobiliti	300	400	500	600	700	800
F. Faedah Rawatan Dan Komplementari Sinseh/Tradisional / Fisioterapi / Kiropraktik	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)
Premium	150.00	225.00	313.00	438.00	563.00	613.00

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM150.00** [setahun] **Pelan 1***, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Polisi ini melindungi :		Polisi ini tidak melindungi :
Manfaat/ Jumlah Diinsuranskan		- Risiko berkaitan dengan peperangan - Bunuh diri atau sebarang cubaan untuk berbuat demikian - Kecederaan yang sengaja dilakukan sendiri - Perjalanan dalam pesawat, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial berlesen mengikut laluan berjadual - Keadaan dan sebarang penyakit yang sedia ada - Melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang. - Di bawah pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berdaftar - Sukan profesional, ski air, seni mempertahankan diri, perlumbaan selain berjalan kaki, pendakian gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, atau penggunaan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal - Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC)
Faedah-faedah - Pelan 1*	Jumlah Diinsuranskan (RM)	
A. Kematian akibat kemalangan	50,000	
B. Hilang upaya kekal	50,000	
C. Perbelanjaan Perubatan	5,000	
D. Kepatahan Tulang dan/atau Terkeluar Sendi (Dislokasi)	20,000	
E. Faedah Alat Bantuan Mobiliti	300	
F. Faedah Rawatan Dan Komplementari Sinseh/Tradisional / Fisioterapi / Kiropraktik	1,000 (Maksimum Kiropraktik sehingga RM150.00 setiap kemalangan)	
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.		
Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.		

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM150.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
Premium Kasar	RM150.00(setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM12.00
(+) Duti Setem	RM10.00 (Ditanggung oleh AmBank (M) Berhad)
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM172.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM 37.50
Nota: - Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. - Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.	

4 Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. - Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. - Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko. - Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang tuntutan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian, atau secepat yang munasabah jika kelewatan tidak dapat dielakkan. - Faedah bagi perbelanjaan (seperti kos perubatan) akan dibayar berdasarkan bayaran balik, jika anda memegang beberapa polisi, jumlah yang dibayar tidak akan melebihi kerugian sebenar. - Kelayakan: - Orang Yang Diinsuranskan mestilah warga Malaysia atau bukan warga Malaysia yang mempunyai permit kerja yang sah, permit pelajar atau status pemastautin tetap. - Had Umur: Pihak Diinsuranskan berumur 18 tahun sehingga 70 tahun dan pelanggan AmBank pada masa bermulanya perlindungan insurans. - Had Wilayah: Semua manfaat yang diperuntukkan dalam Polisi ini terpakai di seluruh dunia 24 jam sehari (kecuali dinyatakan sebaliknya di bawah manfaat yang berkenaan dalam Polisi ini). - Pengecualian Pekerjaan: Krew pesawat udara/penguji kapal terbang, bomba, pelombong, pelaut, tentera dan tentera udara, ahli sukan/penyelam profesional, pelumba kereta, krew kapal dan pemungkah barang. Walau bagaimanapun, faedah akan dibayar sekiranya Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan anggota badan yang berlaku luar daripada aktiviti kebiasaannya dan luar daripada skop pekerjaan Pihak Diinsuranskan seperti yang di atas.	Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.
--	--

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.